

FWD WealthLink Pro

Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Berkala

Meningkatkan perlindungan kekayaan anda



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami: 1 300 22 6262

Meningkatkan perlindungan dan membina kekayaan anda



Anda telah menanam benih; kini tiba masanya untuk menyaksikan mereka berkembang.

Dalam dunia yang berpotensi tinggi dengan pembangunan pesat, anda semestinya ingin melindungi orang tersayang daripada ketidakpastian kehidupan, sambil merebut peluang untuk mencapai matlamat kewangan anda.

Dengan FWD WealthLink Pro, anda mampu menikmati kedua-duanya

FWD WealthLink Pro menganjari anda dengan penumbuhan kekayaan serta ketenangan yang anda patut memiliki.

Manfaat Perlindungan Anda

Dapatkan perlindungan tambahan sehingga 400% daripada perlindungan anda untuk melindungi diri anda daripada keadaan yang tidak dijangka.

Manfaat	Jumlah Manfaat
Manfaat kematian	100% daripada jumlah asas yang diinsuranskan atau nilai akaun pelaburan (jika ada), yang mana lebih tinggi
Manfaat HUMK*	100% daripada jumlah asas yang diinsuranskan atau nilai akaun pelaburan (jika ada), yang mana lebih tinggi
Manfaat tambahan kematian akibat kemalangan*	Tambahan 100% daripada jumlah asas yang diinsuranskan
Manfaat tambahan kematian akibat kemalangan semasa menggunakan pengangkutan awam*	Tambahan 200% daripada jumlah asas yang diinsuranskan
Manfaat tambahan kematian akibat kemalangan di luar Malaysia*	Tambahan 300% daripada jumlah asas yang diinsuranskan
Manfaat tambahan kematian akibat kemalangan sebab bencana alam*	Tambahan 400% daripada jumlah asas yang diinsuranskan

*Sebelum umur 75 tahun dan tertakluk kepada terma dan syarat.

Maksimumkan pulangan anda & dapatkan lebih nilai melalui Wealth Bonus

Dapatkan akses kepada pelbagai jenis dana yang diuruskan secara profesional untuk memaksimumkan pulangan anda serta fleksibiliti untuk menukar dana mengikut situasi pasaran untuk mencapai matlamat kewangan anda.

Maksimumkan pulangan anda dan dapatkan lebih nilai melalui Wealth Bonus yang akan dibayar pada peratusan (%) berikut.

Akhir Tahun Polisi	% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan Permulaan
Ke-20	8%
Ke-30	4%
Ke-40	4%
Setiap 10 tahun polisi lain yang berikutnya sehingga akhir tempoh polisi	4%

Manfaat Matang

Apabila polisi anda matang, anda akan menerima manfaat matang anda secara sekali gus. Selepas anda menerima manfaat matang anda, polisi anda akan ditamatkan.

Jaminan Tidak Luput

Polisi anda dijamin tidak luput untuk lima tahun pertama asalkan:



Premium anda dibayar sebelum 30 hari dari tarikh premium yang perlu dibayar



Tiada unit dikeluarkan dalam tempoh ini



Tiada perubahan yang mengakibatkan penolakan unit yang lebih tinggi

Jika anda tidak lagi dilindungi oleh Jaminan Tidak Luput, bayaran anda harus meliputi semua yuran dan caj yang berkaitan. Seandainya tidak, polisi anda akan luput.

Tingkatkan perlindungan anda dengan manfaat pilihan

FWD CI Intense Shield

Dapatkan perlindungan untuk Penyakit Kritikal Peringkat Awal dan Serious, serta manfaat kematian apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia.

FWD IL Living Extra (WOP)

Apabila Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis menghidapi salah satu daripada 44 Penyakit Kritikal, premium anda akan dikecualikan hingga tarikh tamat tempoh rider ini.

FWD IL WOP

Apabila Pembayar meninggal dunia, didiagnosis mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau menghidap salah satu daripada 44 Penyakit Kritikal, premium anda akan dikecualikan hingga tarikh tamat tempoh rider ini.

FWD IL CI (Accelerated)

Dapatkan perlindungan untuk 45 Penyakit Kritikal.

Untuk maklumat lanjut tentang pelan rider di atas, sila layari fwd.com.my atau hubungi Penasihat Kewangan kami.

Lindungi diri anda



Pilihan tempoh perlindungan

Dapatkan perlindungan untuk 20 tahun atau sehingga umur 70, 80 dan 100 tahun

Umur Penyertaan (Hari Lahir Berikutnya)	Pilihan tempoh perlindungan*	
14 hari – 50 tahun	20 tahun	Sehingga umur 70, 80 atau 100
51 tahun – 60 tahun	20 tahun	Sehingga umur 80 atau 100
61 tahun – 70 tahun	20 tahun	Sehingga umur 100

*Sila rujuk bahagian Pilihan Pembaharuan untuk mengetahui cara-cara untuk melanjutkan tempoh perlindungan anda.



Pilihan tempoh pembayaran

Pilih antara tempoh 5, 10, 20 tahun, atau tempoh polisi penuh

Berapa jumlah yang perlu dibayar?

Keselamatan masa depan anda bermula dari hanya RM200 sebulan.

Jumlah Asas yang Diinsuranskan minimum anda: RM500,000.

Jenis premium	Minimum
Premium Tahunan Asas Berkala	RM2,400

Fleksibiliti dengan pelaburan anda

Dapatkan kebebasan untuk menambah premium anda tanpa yuran, sama ada secara tahunan atau sekali sahaja untuk meningkatkan lagi pulangan anda.


Jenis tambahan	Jumlah minimum
Tambahan Tahunan Berkala	RM600
Tambahan Tidak Berkala / Tunggal	RM100

Tambahan: 95% peruntukan premium

Kadar Peruntukan Premium

Tahun Premium	Peruntukan Premium berdasarkan Tempoh Pembayaran Premium yang berbeza (% daripada Premium Tahunan)			
	5 tahun	10 tahun	20 tahun	Bayaran penuh
1	85%	65%	60%	60%
2	85%	65%	60%	60%
3	100%	95%	60%	60%
4	100%	95%	80%	80%
5	100%	100%	80%	80%
6	-	100%	80%	80%
7 - 10	-	100%	100%	100%
11 - 20	-	-	100%	100%
21 dan ke atas	-	-	-	100%

Bagaimana pelan ini berfungsi?



Francis
 Umur 35, Lelaki, Bukan Perokok,
 Kelas Pekerjaan 1
 Premium Tahunan = RM12,000
 Jumlah Asas yang Diinsuranskan
 = RM1,000,000
 Tempoh Polisi = Sehingga umur
 70 tahun
 100% FWD Invest Dividend Fund

Premium perlu dibayar dari umur 35 hingga 70 tahun	Untuk melanjutkan tempoh perlindungan sehingga umur 100 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM12,000.00 setahun	Tambahan RMO setahun disyorkan dari umur 35 hingga 100 tahun	Tambahan RMO setahun disyorkan dari umur 71 hingga 100 tahun



Francis melabur RM12,000 setahun untuk perlindungan dengan Jumlah Asas yang Diinsuranskan sebanyak RM1,000,000.



Melalui Wealth Bonus, beliau akan menerima jumlah sebanyak RM140,000 apabila polisi ini mencapai tempoh matang.



Mengikut Unjuran Nilai Matangnya, beliau akan menerima kira-kira RM537,833, dengan andaian kadar pulangan 5%.

Tahun polisi	Wealth Bonus (%)	Wealth Bonus (RM)
Ke-20	8%	RM80,000
Ke-30	4%	RM40,000
Ke-35	2%*	RM20,000
Jumlah	14%	RM140,000

*Dilaraskan secara berkadar berdasarkan baki tahun polisi.

Tahun polisi	Unjuran Nilai Kematangan berdasarkan	
	Pulangan 2%	Pulangan 5%
Ke-35	RM302,710	RM537,833

Kami telah memilih dua contoh pulangan pelaburan, iaitu 2% dan 5%, untuk menunjukkan unjuran nilai akaun pelaburan dalam jadual di atas. Sila dapatkan salinan Ilustrasi Jualan yang sesuai dengan keperluan anda daripada Penasihat Kewangan kami.

Untuk pulangan pelaburan dana unit sebenar pada masa lalu, sila rujuk Lembaran Fakta Dana.

Bila kami tidak membayar sebarang manfaat

Di FWD Insurance, kami tidak menetapkan senarai klausa tersembunyi yang panjang, yang menghalang kami daripada membayar tuntutan. Untuk kemudahan anda, kami telah mengurangkan pengecualian kami kepada hanya 3 kriteria. Kami tidak akan membayar manfaat di bawah pelan asas ini jika tuntutan akibat daripada:

Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri

Bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari permulaan polisi atau tarikh terakhir kami mengembalikan polisi anda, tanpa mengira keadaan mental.

Tindakan berperang

Tindakan berperang (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

Tindakan menyalahi undang-undang

Apabila anda atau Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

Pilihan dana berkaitan pelaburan dan caj pengurusan dana

Jenis Dana	% daripada Aset Dana
FWD Invest Dividend Fund	1.50% setahun
FWD Invest ASEAN Discovery Fund	1.50% setahun
FWD Invest Bond Fund	1.00% setahun
FWD Invest Income Extra Fund	0.35% setahun
FWD Invest-i Global Balanced Hedged Fund	1.25% setahun
FWD Strategic Fund	1.50% setahun
FWD Aggressive Fund	1.50% setahun
FWD AsiaEquity Fund	1.50% setahun
FWD Bond Fund	1.00% setahun

Pilihan Pembaharuan

Anda boleh memperbaharui Polisi sehingga had perlindungan maksimum 100 tahun jika tempoh perlindungan semasa anda adalah di bawah umur 100 tahun. Anda boleh memulakan proses pembaharuan seawal 60 hari sebelum kematangan polisi anda, dan ia akan berkuat kuasa pada Tarikh Matang.

Premium untuk tempoh yang diperbaharui akan disemak semasa pembaharuan dilaksanakan, dan anda hendaklah membayar premium sewajarnya setelah Polisi anda diperbaharui.

Jika terdapat baki jumlah asas yang diinsuranskan selepas manfaat HUMK telah dibayar, polisi asas dan sebarang rider tambahan yang dilampirkan masih akan berkuatkuasa.

Jika anda berumur 75 tahun atau lebih ketika anda memperbaharui perlindungan anda, perlindungan HUMK tidak akan terpakai. Sebarang rider yang dilampirkan akan kekal berkuatkuasa sehingga ia mencapai umur tamat tempoh maksimum.

Nota Penting

Anda boleh memilih jumlah yang anda ingin bayar untuk Polisi anda, bergantung pada selera risiko anda. Setelah anda menerima Polisi, anda mempunyai tempoh 15 hari untuk memutuskan sama ada ia sesuai untuk anda. Jika anda memutuskan untuk tidak mengambil Polisi ini, kami akan memulangkan jumlah yang bersamaan dengan Nilai Akaun Pelaburan, serta jumlah sebarang caj yang ditolak daripada dana dan jumlah premium yang belum diperuntukkan, dan menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk Pelepasan Cukai untuk Insurans Hayat, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Kos Insurans adalah tidak dijamin, dan kami akan membuat penyemakan setelah memberikan notis awal sekurang-kurangnya 90 hari.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan dan Kontrak Polisi untuk butiran lanjut tentang terma dan syarat serta yuran dan caj yang dikenakan untuk Dana Berkaitan Pelaburan yang telah anda pilih.

Produk insurans ini terikat dengan prestasi aset asas. Ia bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia atau Bahasa Cina bagi risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Untuk maklumat lanjut

Sila hubungi mana-mana Penasihat Kewangan kami, sembang secara langsung dengan kami di fwd.com.my atau e-mel ask@fwd.com



Talian Khidmat Pelanggan
1 300 22 6262

(Waktu operasi:
8.30am – 5.30pm,
Isnin hingga Jumaat,
kecuali cuti umum)

Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah sebahagian daripada Kumpulan FWD, syarikat insurans pan-Asia terkemuka dengan lebih 13 juta* pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD mencapai ulang tahunnya yang ke-10 pada 2023. Syarikat memberi tumpuan untuk menjadikan perjalanan insurans lebih mudah, pantas dan lancar dengan cadangan yang inovatif dan produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang diterajui oleh pelanggan kami, FWD komited untuk mengubah cara orang ramai berfikir tentang insurans.

*Pada Mac 2024.

Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan rakyat Malaysia.